

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 14/12/2007

Menggemis sokongan asing khianati negara – Abdullah

Oleh BAHAROM MAHUSIN,
ARSHAD KHAN, AIZAWATI AHMAD
dan NIZAM YATIM

KUANTAN 13 Dis. – Pihak yang menggemis sokongan orang asing di luar negara bagi memburuk-burukkan Malaysia adalah pengkhianat, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri menegaskan, pembohongan yang dilakukan oleh kumpulan itu, khususnya dakwaan mengenai kerajaan Malaysia terlibat dalam penghapusan etnik, adalah 'satu pengkhianatan kepada negara'.

Dalam ucapannya kepada kira-kira 2,500 penyokong Barisan Nasional (BN) yang menyambut ketibaannya untuk lawatan kerja sehari ke Pahang di Pangkalan Udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini pagi ini, Abdullah berkata, beliau bertanggungjawab memastikan keselamatan negara terus terpelihara.

"Walaupun saya ini orang Melayu tetapi kekuatan saya adalah kekuatan BN.

"Inilah kekuatan kita. Rakyat tidak suka cara lain (seperti demonstrasi jalanan). Cara kita selama ini adalah cara yang berjaya," katanya.

Rakyat, kata beliau, kini sedar tentang keburukan politik demonstrasi jalanan dan menyokong langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani perbuatan

pihak-pihak berkenaan termasuk perhimpunan haram yang dianjurkan oleh Hindu Rights Action Force (Hindraf).

Kumpulan majoriti rakyat Malaysia yang selama ini senyap kini telah bersuara, kata Perdana Menteri.

Sementara itu, ketika bercakap kepada pemberita di **SUBANG** sebelum berlepas ke Kuantan, Perdana Menteri berkata, majoriti rakyat marah dengan tindakan pihak tidak bertanggungjawab mengadakan siri demonstrasi jalanan di ibu negara sejak kebelakangan ini.

Menurut beliau, rakyat juga marah dengan tindakan pihak terbabit menjaja fitnah terhadap Malaysia di luar negara dengan tujuan meraih sokongan antarabangsa.

"Golongan ini yang terlalu taksud dengan pandangan mereka tidak sayangkan negara. Mereka hanya tamak kuasa dan tidak langsung mempedulikan kesan daripada tindakan itu yang kita semua perlu hadapi.

"Saya ingin mengingatkan bahawa demonstrasi jalanan bukan budaya kita dan selama ini kita maju dan berjaya kerana mengamalkan institusi demokrasi yang menghormati undang-undang," katanya.

Pada satu majlis ringkas di Pangkalan Udara TUDM Subang, Abdullah menerima memorandum daripada Damai Malaysia, sebuah gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang membantah demonstrasi jalanan.

Damai Malaysia yang mewakili 395 NGO menyerahkan memorandum lima muka surat yang sepakat menolak demonstrasi jalanan dan menggesa kerajaan bertindak tegas terhadap mereka yang terlibat dalam perhimpunan haram.

Rakyat kini sedar tentang keburukan politik demonstrasi jalanan dan menyokong langkah kerajaan untuk menangani perbuatan pihak berkenaan termasuk perhimpunan haram yang dianjurkan oleh Hindraf

Abdullah memberitahu, demonstrasi jalanan menyebabkan banyak sektor ekonomi mengalami kerugian terutama pelancongan dan perniagaan.

"Saya dimaklumkan bahawa hotel-hotel di kawasan Bukit Bintang, Kuala Lumpur mengalami pembatalan tempahan bilik sebanyak 10 peratus akibat demonstrasi jalanan.

"Kesan ini turut dirasai oleh pengusaha hotel di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak kerana pelancong terbabit yang tidak jadi ke Kuala Lumpur turut membatalkan lawatan ke negeri-negeri lain.

"Turut menanggung kerugian ialah agensi pelancongan, pengusaha kereta dan bas yang telah ditempah pelancong serta pekedai yang mengharapkan pelawat asing membeli barangan mereka," katanya.

Mengulas mengenai memorandum oleh gabungan NGO berkenaan yang mempunyai 1.5 juta ahli itu, Abdullah berkata, ia adalah suara majoriti rakyat Malaysia yang membantah demonstrasi jalanan.

"Orang yang selama ini senyap telah pun menyatakan pendirian mereka dan saya amat menghargainya kerana ia adalah untuk keamanan dan kesejahteraan rakyat yang kita kena pertahankan," katanya.

Menurut Abdullah, larangan mengada-

kan demonstrasi jalanan adalah bagi memastikan negara ini terus stabil.

"Ya bukan bermakna rakyat tidak boleh bersuara melalui saluran yang betul. Tengoklah surat khabar, bukan main lagi (rakyat bersuara) dengan bermacam-macam berita dan kadangkala semuanya keluar. Begitu juga dengan Internet yang hebat juga," katanya.

Memorandum Damai Malaysia itu yang diserahkan oleh Pengerusi Penyelaras Damai Malaysia, Mohd. Saiful Adil Mohd. Daud turut mengandungi deklarasi mengutuk pihak-pihak yang menggunakan isu agama dan perkauman bagi menimbulkan kebencian serta melakukan fitnah untuk mengheret pihak asing mencampuri urusan dalaman negara ini.

Damai Malaysia yang telah mengadakan perhimpunan pertama di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru pada 6 Disember lalu turut disertai 75 NGO yang mewakili kaum Cina dan 20 NGO kaum India.

Terdahulu, Abdullah yang tiba bersama isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah disambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis.

**ABDULLAH
AHMAD
BADAWI**
Perdana
Menteri

um-14/12/2007

